

**PENGGUNAAN SISTEM PERANCANGAN DAN KAWALAN
BELANJAWAN ELEKTRONIK (eSPKB) DALAM PENGURUSAN
KEWANGAN DI JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR**

NOR EZAH BINTI HAJI MOHAMMAD

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan
Pengurusan Dan Pentadbiran**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER 2007

DEDIKASI

Dengan Lafaz BISMILLAHIRROHMANIRROHIM

Istimewa Buat Suami Tersayang Khairuddin bin Haji Hashim

Terima kasih atas doa, dorongan, kesabaran serta kasih sayang yang menjadi pencetus kepada kejayaan ini.

Buat anak-anakku

Khairul Farhan, Nur Fitriah, Khairul Fikri,

Khairul Fahmy dan Nur Faariah

Semoga kalian menjadi anak-anak yang bersabar menjejaki kejayaan dan terus menerokai ilmu Allah tanpa jemu. Terus tingkatkan usaha menjadi anak-anak yang soleh dan solehah. Kesabaran kalian menjadi pendorong ibu untuk berjaya.

Buat Bonda Supinah Hj. Ikhsan dan Sitinah Hj. Siraj

Terima kasih atas do'a, pengertian, sokongan dan nasihat kalian. Kesihatan dan semangat Bonda berdua menjadikan anakanda wanita yang cekal dan tabah membina keluarga seutuh binaan Bonda dan Allahyarham Ayahanda.

Juga buat keluarga & rakan-rakan

Dorongan dan kerjasama kalian menguatkan semangat ini untuk meneruskan perjuangan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana mengizinkan dan memberkati rahmat ke atas hambaNYA, maka kajian ini dapat disempurnakan dengan lancar dan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Dr. Mohd. Anuar bin Abdul Rahman selaku penyelia yang tidak pernah jemu memberi bimbingan, tunjuk ajar, serta galakan kepada saya dalam menyiapkan projek ini. Segala bimbingan, komitmen dan keikhlasan Dr. amat saya dikagumi. Allah jua yang dapat membalasnya.

Terima kasih juga diucapkan kepada Pengarah Pelajaran Johor, Timbalan Pengarah Pelajaran Johor, Pegawai-pegawai Pendidikan serta Kerani-kerani Kewangan di Jabatan Pelajaran Johor dan semua Pejabat Pelajaran Daerah yang telah terlibat secara langsung dalam kajian soal selidik ini. Keikhlasan memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini dipohonkan keberkatan dari Allah sbnw.

Ucapan penghargaan terima kasih juga kepada penyelaras Program Pesisir Muar Dr. M. Al-Muz-Zammil bin Yasin dan Prof. Dr. Abu Bakar bin Haji Hashim, semua pensyarah UTM serta staf Fakulti Pendidikan dan Sekolah Pengajian Siswazah yang telah memberikan kerjasama sepanjang pengajian ini.

ABSTRAK

Kajian deskriptif berbentuk tinjauan ini dijalankan terhadap Penggunaan Sistem Pengurusan Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) dalam Pengurusan Kewangan di organisasi pendidikan. Kajian ini bertujuan mengenalpasti penggunaan, kepuasan dan persepsi pengguna terhadap sistem eSPKB. Kajian ini dilaksanakan secara spesifik di Jabatan Pelajaran Johor (JPNJ) serta 10 PPD di Negeri Johor. Responden kajian terdiri daripada Pegawai dan Kerani yang memiliki Kad Pintar yang disahkan oleh Pengarah JPNJ. Soal selidik yang digunakan terbahagi kepada empat bahagian. Instrumen soal selidik dibina berdasarkan objektif kajian. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Alpha Cronbach bagi Penggunaan (0.95), Kepuasan Pengguna (0.90) dan Persepsi Pengguna (0.84). Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 13.0*. Kajian ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan kekerapan, peratusan, min, Ujian t dan ANOVA. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan eSPKB berada pada tahap Sederhana (Min=2.80) di mana dalam Objek Sebagai 21000 Tuntutan Perjalanan, mencatatkan tahap yang paling tinggi dengan Min (3.48).. Dapatan juga menunjukkan kepuasan pengguna eSPKB dalam kategori pelaksanaan tugas mencatatkan Min yang lebih tinggi (4.57) berbanding dengan kategori Kompetensi dan Imej serta Kesan Positif eSPKB. Hasil kajian menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa penggunaan eSPKB mempermudah tugas-tugas pengurusan kewangan dan mereka memerlukan kursus atau sesi pemantapan profesion dari masa ke semasa. Akhir sekali beberapa cadangan dikemukakan bagi mempertingkatkan lagi penggunaan eSPKB.

ABSTRACT

This descriptive survey is done to the application of an eSPKB (Budgeting Control and Management Electronic System) in the Johore State Education Department (JPNJ) and District Education Office (PPD). The survey was carried out with the purpose to identify the implementation of the system, the users' satisfaction and the users' perception toward this system. The respondent was among the officers and clerks with authorized 'Smart Card'. The questionnaires was categorized in 4 groups. Initial research proved that instrument carried an accepted Alpha value as for the Implementation (0.95), Users' Satisfaction (0.90) and for the Users' Perception (0.84). Then response was evaluated by using Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 13.0. The research was analyzed descriptively and tabled as Frequency, Percentile, Mean, T-test and ANNOVA . Findings in the eSPKB implementation recorded Average level Mean (2.80) with the Objek Sebagai 21000 for Milage Claim recorded the highest Mean (3.84). Findings in the users' satisfaction was rather high with Mean (4.17). The Task Implementation category with Mean (4.57) recorded the highest score compared to the Positive Effect of eSPKB and the Competency and Imej . Research found that majority of the respondent agreed that this eSPKB implementation simplified their job routine and they need to further their studies by enhancement courses related to this system . Finally there are some suggestions forwarded to enhance and upgrade the use of eSPKB in financial and budget management of the Educational Organization.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA
SURAT		
	Pengesahan Penyelia	
	Tajuk	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xiv
	Senarai Singkatan	xv
	Senarai Lampiran	xvi
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	2
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	5
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Hipotesis Kajian	7

1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Skop dan Batasan Kajian	9
1.9	Kerangka Kajian	10
1.10	Definisi Operasional	11
1.10.1	Tahap Penggunaan	11
1.10.2	Tahap Kepuasan	12
1.10.3	Persepsi Pengguna terhadap Pelaksanaan eSPKB	13
1.10.4	eSPKB	13
1.10.5	Jabatan Pelajaran Johor (JPNJ)	13
1.10.6	Pejabat Pelajaran Daerah	14
1.10.7	Pusat Tanggungjawab (PTJ)	14
1.11	Penutup	14
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	15
2.1	Pendahuluan	15
2.2	Sejarah Pewujudan Sistem Kewangan Berkomputer	16
2.3	Teori yang berkaitan dengan pengurusan kewangan berkomputer - Teori Lima Blok	17
2.4	Sejarah Pewujudan eSPKB	20
2.5	Jenis Perisian Berkaitan Kewangan Berkomputer	22
2.5.1	Sistem Kewangan Buku Tunai Sekolah PATSKOM	22
2.5.2	Sistem Kewangan Buku Vot	23
2.5.3	Sistem e-Perolehan	24
2.6	Penggunaan kewangan berkomputer dalam pengurusan kewangan	24
2.7	Kepuasan Penggunaan Sistem Kewangan	

	Berkomputer	27
2.7	Pelaksanaan sistem kawalan kewangan berkomputer	29
2.8	Penutup	30
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	32
3.4	Instrumen Kajian	33
	3.4.1 Bahagian A: Demografi Responden	34
	3.4.2 Bahagian B: Tahap Penggunaan eSPKB	34
	3.4.3 Bahagian C: Tahap Kepuasan Pengguna eSPKB	36
	3.4.4 Bahagian D: Persepsi Pengguna SPKB dalam pengurusan kewangan	37
3.5	Kajian Rintis	38
3.6	Prosedur Kajian	39
3.7	Penganalisan Data	40
	3.7.1 Analisis Deskriptif	40
	3.7.2 Analisis Inferensi	41
3.8	Penutup	42
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	43
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Latar Belakang Responden	43
4.3	Keputusan berdasarkan analisis deskriptif	47
	4.3.1 Tahap Penggunaan Sistem eSPKB	48
	4.3.2 Tahap Kepuasan Pengguna eSPKB	53

4.3.2.1	Analisis Tahap Kepuasan Kategori Pelaksanaan Tugas	53
4.3.2.2	Analisis Tahap Kepuasan Kategori Kompetensi dan Imej.	55
4.3.2.3	Analisis Tahap Kepuasan Kategori Kesan Positif eSPKB	56
4.3.3	Persepsi pengguna eSPKB dalam pengurusan kewangan	58
4.4	Analisis berdasarkan hipotesis kajian.	64
4.4.1	Perbezaan tahap penggunaan berdasarkan lokasi	64
4.4.2	Perbezaan tahap penggunaan dan kepuasan berdasarkan jawatan.	66
4.5	Penutup	67
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN	69
5.1	Pendahuluan	69
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	70
5.2.1	Tahap Penggunaan eSPKB	70
5.2.2	Tahap Kepuasan Pengguna	72
5.2.3	Persepsi Pengguna eSPKB	73
5.2.4	Perbandingan Tahap Penggunaan eSPKB antara lokasi	74
5.2.5	Perbandingan Tahap Penggunaan eSPKB antara jawatan	74
5.2.6	Perbandingan Tahap Kepuasan pengguna eSPKB antara jawatan.	74
5.3	Kesimpulan	75

5.4	Cadangan	76
5.4.1	Cadangan Tindakan	77
5.4.2	Cadangan Kajian Lanjutan	79
5.5	Penutup	81

RUJUKAN**LAMPIRAN**

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL SURAT	TAJUK	MUKA
1.1	Senarai Objek Sebagai yang terlibat dalam kajian	11
3.1	Senarai Responden dan Sampel terpilih	27
3.2	Tahap penggunaan eSPKB mengikut Objek Sebagai	29
3.3	Permarkatan soal selidik Tahap Penggunaan	30
3.4	Nilai min skor tahap penggunaan eSPKB	30
3.5	Kategori item soal selidik Tahap Kepuasan	31
3.6	Permarkatan soal selidik Tahap Kepuasan	32
3.7	Tahap Persepsi Pengguna eSPKB Dalam Pengurusan Kewangan JPNJ	33
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Koefisyen Item Soalan Kajian	34
3.9	Kaedah Statistik Penganalisan Deskriptif	35
3.10	Tafsiran Ujian t	35
3.11	Tafsiran ANNOVA	36
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	38
4.2	Taburan Responden Mengikut Jawatan	38
4.3	Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik	39
4.4	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	39

4.5	Taburan Responden Mengikut Tempoh Memegang Jawatan	40
4.6	Taburan Responden Mengikut Umur	40
4.7	Taburan Responden Mengikut Lokasi pejabat	41
4.8	Taburan Ke kerap an menghadiri kursus eSPKB	41
4.9	Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penggunaan eSPKB Secara Keseluruhan Mengikut Objek Sebagai (OS)	42
4.10	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Penggunaan eSPKB dalam OS32000 / OS28000 (Penyenggaraan Bangunan).	43
4.11	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Penggunaan eSPKB dalam OS35000 (Perolehan Aset dan Bekalan)	44
4.12	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Penggunaan eSPKB dalam OS21000 (Tuntutan Perjalanan).	45
4.13	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Penggunaan eSPKB dalam pengurusan keseluruhan.	46
4.14	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Kepuasan Pengguna eSPKB secara keseluruhan.	47
4.15	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Kepuasan Pengguna eSPKB dalam kategori pelaksanaan tugas.	48
4.16	Maklumbalas Responden terhadap Tahap Kepuasan pengguna eSPKB dalam kategori kompetensi dan imej.	49
4.17	Maklumbalas Responden terhadap Tahap kepuasan pengguna eSPKB dalam kesan positif eSPKB.	51

4.18	Maklumbalas responden terhadap Persepsi Pengguna eSPKB	52
4.19	Analisis Ujian t Perbezaan penggunaan eSPKB dalam Penyenggaraan Bangunan, Tuntutan Perjalanan dan Keseluruhan di PPD dan JPN.	57
4.20	Maklumbalas responden dalam perbezaan penggunaan eSPKB antara jawatan.	58
4.21	Maklumbalas responden dalam perbezaan kepuasan pengguna eSPKB antara jawatan.	59

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH SURAT	TAJUK	MUKA
Rajah 1.1	Kerangka Kajian	11
Rajah 2.1	Kitaran Process <i>'Program Budgeting' (PB)</i>	30

SENARAI SINGKATAN

eSPKB	Sistem Pengurusan Kawalan Belanjawan elektronik
EFT	<i>Electronic Fund Transfer</i>
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
JPNJ	Jabatan Pelajaran Negeri Johor
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia / Kementerian Pelajaran Malaysia
MUSAC	<i>Messey University School Administration By Computer</i>
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PATSKOM	Sistem Kewangan Buku Tunai Sekolah
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PTJ	Pusat Tanggungjawab
SPSS	<i>Statistical Package For Social Science</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN SURAT	TAJUK	MUKA
A	Borang Soal Selidik Untuk Pengurus dan Pelaksana eSPKB	
B	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD)	
C	Surat Sokongan Kajian Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Johor.	
D	Surat Pengesahan Status Pelajar Dari Fakulti	

SOAL SELIDIK DAN DAPATAN KAJIAN

E	Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Kajian Rintis Bahagian C,D dan E	
G	Keputusan Analisis Bahagian A : Demografi	
H	Keputusan Analisis Bahagian B: Tahap Penggunaan eSPKB	
I	Keputusan Analisis Bahagian C: Tahap Kepuasan Pengguna eSPKB	
J	Keputusan Analisis Bahagian D: Persepsi Pengguna eSPKB	

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mulai tahun 1999 lagi, kerajaan Malaysia telah melaksanakan pengurusan pentadbiran jabatan-jabatan kerajaan yang berorientasikan aplikasi teknologi berasaskan ICT bagi menggantikan pengurusan secara konvensional. Berkaitan hal ini M. Ghazie (2005) dalam Seminar Pelancaran Kerajaan elektronik (*e-Government*) menyatakan,

'As we went along we realised that the different flagship applications worked well on a standalone basis but in order to ensure a smooth exchange of information across different flagship applications we needed to have more lateral focus. An example of this is an eSPKB (electronic Budgeting Control and Planning System), a budget system which is central to all the other flagship integration.' M. Ghazie (2005) m.s 12.

Menurut Aini et al. (2001) pengurusan kewangan elektronik didefinisikan sebagai satu komponen (kepada organisasi) yang mengumpul, mengkelas, memproses, menganalisis dan mengkomunikasikan maklumat-maklumat relevan berorientasikan kewangan serta seterusnya membantu

proses pembuatan keputusan oleh pihak-pihak berkepentingan sama ada di dalam mahupun di luar firma. Sehubungan dengan itu Ayob (2004) pula menyatakan pengurusan kewangan elektronik akan mengukuhkan lagi sistem yang ada dan mampu bersaing pada setiap keadaan.

eSPKB merupakan gabungan kemajuan dalam komunikasi teknologi elektronik mikro dan telekomunikasi untuk menyalur maklumat supaya dapat membuat keputusan yang tepat dan cepat. eSPKB boleh digunakan untuk mengumpul, menyimpan, memproses dan menyalurkan serta menyebarkan maklumat secara pantas di antara beberapa pihak yang berkaitan dalam pengurusan kewangan agensi kerajaan. Dalam hal ini kerajaan menjangkakan menjelang akhir tahun 2010 semua agensi yang menjadi pusat pengurusan kewangan atau dikenali sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) di seluruh negara, perlu melaksanakan eSPKB.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dunia kini berada dalam era kemajuan yang cepat berubah hasil daripada globalisasi teknologi, ekonomi, sosial, politik, budaya dan pembelajaran. Perubahan-perubahan ini telah mengakibatkan berlakunya perubahan dalam bidang pendidikan seluruh dunia (Cheng dan Townsend, 2000). Oleh itu, pengurusan dalam bidang pendidikan perlu memandang ke hadapan serta memanfaatkan segala kemajuan bidang teknologi terkini (Mohammed Sani, 1998). Di Malaysia, kepentingan pengurusan berorientasikan teknologi di institusi-institusi pendidikan mula diperdebatkan sejak tahun 1970-an.

Menurut M. Ghazie (2005) kerajaan telah mengenalpasti tujuh aplikasi peneraju untuk dilaksanakan bagi mencapai objektif Koridor Raya Multimedia

(MSC). Aplikasi Kerajaan Elektronik (e-G) merupakan satu daripada aplikasi-aplikasi yang telah ditetapkan. Lima projek perintis 'First Wave' telah dikenalpasti di bawah aplikasi Kerajaan Elektronik. Projek-projek perintis yang dimaksudkan itu adalah:

- a) Perkhidmatan elektronik (eKhidmat)
- b) Perolehan elektronik (ePerolehan)
- c) Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)
- d) Sistem Pemantauan Projek (SPP)
- e) *Generic Office Environment (GOE)*

Semua projek perintis berkenaan, kecuali projek *Generic Government Office (GOE)*, memerlukan pengaliran data kewangan dengan sistem-sistem Jabatan Akauntan Negara.

Sistem Perancangan & Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) ini telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan kawalan dan kewangan projek-projek di atas terutamanya e-Perolehan. Ia membantu dalam proses kawalan belanjawan, memantau perbelanjaan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan mempercepatkan proses penyediaan dokumen kewangan. Dengan adanya pengantaramukaan (*interface*) Sistem eSPKB, urusan bayaran perbelanjaan dapat dipercepatkan iaitu dalam masa 14 hari tuntutan lengkap dibuat oleh pihak pelanggan.

Sistem ini akan mewujudkan interaksi antara Kerajaan dengan pembekal dan perunding melalui pertukaran maklumat dan transaksi secara on-line. Ini adalah untuk memastikan nilai terbaik bagi perolehan Kerajaan dengan menjadikan Kerajaan sebagai pembeli melalui automasi dan mengubah tatacara perolehan semasa. Selain daripada menjamin akauntabiliti dan integriti pegawai kerajaan dalam perolehan sejajar dengan prosedur yang

diwujudkan, sistem ini juga akan membolehkan pelanggan menerima bayaran dengan lebih cepat dan tepat.

Justeru itulah pengurusan kewangan di semua jabatan kerajaan dan tidak terkecuali di JPNJ dan PPD disarankan menggunakan eSPKB sebagai satu sistem penambahbaikan tugas-tugas pengurusan kewangan yang telah dilakukan sejak dulu lagi.

1.3 Pernyataan Masalah

Semakin banyak program atau projek yang dilaksanakan adalah impak dari banyaknya peruntukan kewangan yang disalurkan. Keadaan ini menyebabkan bidang pengurusan kewangan juga semakin rumit. Sebagai sebuah organisasi induk yang melaksanakan pengurusan kewangan untuk semua sekolah-sekolah di Negeri Johor, Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ) perlu memastikan organisasinya memiliki kecekapan dalam mentadbir sumber di bawah kawalannya terutamanya sumber kewangan.

eSPKB ini diwujudkan bertujuan untuk menggantikan buku vot manual dan juga buku vot berkomputer *standalone* yang telah diguna oleh Pusat-pusat Tanggungjawab. Melalui eSPKB semua dokumen dan data pengurusan kewangan disediakan secara elektronik. Modul eSPKB telah mula diguna dalam tahun 2000 dan banyak penambahbaikan telah dilakukan ke atasnya. Dalam tahun 2002 fungsi-fungsi utama yang dibangunkan dalam eSPKB adalah bayaran secara pemindahan wang melalui bank *Electronic Fund Transfer* - EFT dan pemberitahuan bayaran EFT kepada penerima bayaran secara automatik.

Tidak dinafikan mungkin terdapat kelemahan atau kelebihan dalam penggunaannya. Kajian ini cuba melihat tahap penggunaan eSPKB ini di

dalam beberapa Pecahan Kepala yang khusus di dalam Belanjawan Kerajaan, tahap kepuasan pengguna eSPKB ini dan juga persepsi mereka yang lebih berupa pandangan atau cadangan dari pihak pengguna eSPKB ini.

Namun apa yang berlaku apabila Sistem ini mula dijalankan, rungutan mula timbul di kalangan pengguna terhadap perubahan ini. Bak pepatah Inggeris '*Nobody like to change except a wet baby.*' Rasa tidak puas hati yang diluahkan berkisar tentang kesukaran perubahan dari sistem lama yang telah selesa dibuat secara manual dengan sistem baru yang memerlukan kemahiran komputer serta penggunaan yang lebih memakan masa disebabkan infra yang tidak mencukupi. Hal ini yang mendorong pengkaji mengutarakan di dalam kajiannya.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dikemukakan ini, objektif kajian ini adalah untuk:

- a. Mengetahui tahap penggunaan eSPKB di dalam pengurusan kewangan di Jabatan Pelajaran Johor.
- b. Mengetahui tahap kepuasan pengguna dengan pelaksanaan eSPKB di dalam pengurusan kewangan Jabatan Pelajaran Johor.
- c. Mengetahui persepsi pengguna terhadap penggunaan eSPKB dalam pengurusan kewangan Jabatan Pelajaran Johor.
- d. Melihat perbezaan penggunaan eSPKB dalam pengurusan kewangan berdasarkan lokasi.

- e. Melihat perbezaan penggunaan dan kepuasan pengguna eSPKB berdasarkan jawatan.

1.5 Persoalan Kajian.

Beberapa persoalan kajian dikemukakan sebagai panduan untuk mencapai objektif kajian iaitu:

- a. Apakah tahap penggunaan eSPKB di dalam pengurusan kewangan di Jabatan Pelajaran Johor?
- b. Sejauh mana tahap kepuasan pengguna dengan pelaksanaan eSPKB di dalam pengurusan kewangan di Jabatan Pelajaran Johor?
- c. Apakah persepsi pengguna terhadap penggunaan eSPKB dalam pengurusan kewangan di Jabatan Pelajaran Johor?
- d. Adakah terdapat perbezaan penggunaan eSPKB dalam Penyenggaraan Bangunan antara PPD dan JPN?
- e. Adakah terdapat perbezaan penggunaan eSPKB dalam Tuntutan Perjalanan antara warga PPD dan JPN?
- f. Adakah terdapat perbezaan penggunaan eSPKB dalam Pengurusan Kewangan secara keseluruhan antara PPD dan JPN?

- g. Apakah terdapat perbezaan dalam tahap penggunaan eSPKB di antara pelbagai jawatan?
- h. Apakah terdapat perbezaan dalam tahapkepuasan pengguna eSPKB di antara pelbagai jawatan?

1.6 Hipotesis Kajian

Untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian di atas, hipotesis-hipotesis kajian berikut diuji pada aras signifikan 0.05.

- a. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Penggunaan eSPKB Penyenggaraan Bangunan antara PPD dan JPN.
- b. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Penggunaan eSPKB Tuntutan Perjalanan antara PPD dan JPN.
- c. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Penggunaan eSPKB Kewangan Keseluruhan antara PPD dan JPN.
- d. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Tahap Penggunaan eSPKB di antara pelbagai jawatan.
- e. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam Tahap Kepuasan pengguna eSPKB di antara pelbagai jawatan.

1.7 Kepentingan Kajian

Keberkesanan penggunaan eSPKB bukan sahaja penting dalam mencapai matlamat pengurusan kewangan di JPN atau PPD malah impak atau 'outcome' dari pelaksanaan tersebut perlulah memberi kesan yang setimpal. Kesan harus boleh dilihat samada dari pengurusan kewangan kerajaan yang mantap, bebas dari Audit Berteguran, bayaran yang menepati masa. Akhirnya ia harus memberi kesan kepada pencapaian prestasi pelajar di seluruh negeri ini.

Matlamat KPM adalah bertujuan untuk menjadikan sistem pengurusan pendidikan di Malaysia termasuklah pengurusan kewangan ke arah yang lebih berkualiti dan bertaraf dunia. Matlamat ini merupakan satu tahap apabila sistem dan prestasi yang dicapai melebihi atau menyamai pesaing pada peringkat antarabangsa dalam semua bidang ataupun urusan (Rushami Zien, 2001).

Dapatan kajian ini penting kepada pihak-pihak yang berikut:

- a. Jabatan Akauntan Negara apabila dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dalam merancang program latihan dalam aspek pengurusan eSPKB dengan lebih mantap dan berkesan.
- b. Kementerian Pelajaran Malaysia boleh mempertimbangkan untuk mempercepatkan perluasan eSPKB ini ke semua sekolah-sekolah PTJ yang menguruskan kewangannya sendiri. Pertimbangan ini harus memenuhi aspek penyediaan komputer serta infrastruktur berkaitan eSPKB.
- c. JPN dan PPD boleh menjadikan kajian ini asas kepada persediaan dalam menetapkan garis panduan penggunaan eSPKB agar lebih

efisien lagi. Kursus dalaman sebagai pemantapan profesionalisma Pengurusan kewangan eSPKB harus diperluaskan lagi selari dengan usaha pihak Jabatan Audit Negara.


1.8 Skop dan Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan dan skop tertentu yang perlu dipatuhi dalam menjalankan kajian ini iaitu:

- a. Kajian ini adalah khusus terhadap pengurusan kewangan berdasarkan elemen eSPKB sahaja. Skop kajian ini tertumpu pada pelaksanaan eSPKB di Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ) dan 10 Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Oleh itu hasil kajian ini tidak dapat dijadikan kesimpulan umum kepada pelaksanaan eSPKB di semua jabatan-jabatan lain.
- b. Sistem eSPKB yang dikaji hanyalah berfokus kepada empat Pecahan Kepala (Objek Sebagai) Kewangan iaitu OS35000 , OS28000, OS35000 dan OS21000. Oleh yang demikian dapatan kajian tidak boleh dijadikan kesimpulan umum kepada pengurusan Belanjawan keseluruhan.
- c. Keikhlasan sampel dalam memberi maklum balas dan data di dalam soal selidik juga boleh dipertikaikan. Mereka mungkin menjawab berdasarkan situasi tempat kerja dan berkemungkinan dipengaruhi juga oleh kepentingan peribadi.

1.9 Kerangka Kajian

Kerangka kajian dibina berasaskan kepada objektif kajian dan hasil daripada tinjauan kajian-kajian lepas yang merangkumi pengurusan kewangan berbantuan komputer. Pembolehubah bebas dalam kajian ini ialah penggunaan eSPKB dalam Pengurusan Kewangan di JPN dan PPD manakala pembolehubah bersandar terdiri dari tahap penggunaan eSPKB, tahap kepuasan penggunaan eSPKB dan persepsi pengguna eSPKB di dalam pengurusan kewangan ini.



Rajah 1.1: Kerangka Kajian

1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang digunapakai dalam kajian ini didefinisikan mengikut skop yang dinyatakan dengan terperinci.

1.10.1 Penggunaan eSPKB

Penggunaan ialah perihal perbuatan dan kegiatan atau menggunakan sesuatu (Kamus Dewan, 2003). Menurut Melati et.al. (2000) maksud penggunaan dalam pengurusan kewangan ialah kegiatan memperolehi, mengagihkan dan mengurus serta mengawal kecairan sumber-sumber kewangan kerajaan secara efisien. Geoffrey et.al (1999) pula menyatakan,

'it is the implementation of system to manage financial performance that can be monitored between the manufacturers, wholesalers, retailers and service enterprise operations.' Geoffrey et.al (1999)

Dalam kajian ini penggunaan eSPKB dilakukan dengan menggunakan instrumen yang pernah digunakan oleh Azhar (1997). Ianya diubahsuai dan merangkumi bidang pengurusan Objek Sebagai seperti yang terkandung di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1: Objek Sebagai yang terlibat dalam kajian.

Bil	Objek Sebagai	Aktiviti-aktiviti
1	OS32000/OS28000	Penyenggaraan Bangunan
2	OS35000	Perolehan dan Bekalan
3	OS21000	Tuntutan Perjalanan
4	Keseluruhan	Melibatkan semua Objek Sebagai

1.10.2 Kepuasan eSPKB

Menurut Kamus Webster (1988) kepuasan meliputi sesuatu yang menyebabkan seseorang gembira, berasa cukup dan merasa bebas dari sebarang tekanan apabila kemahuannya telah dapat dicapai atau dipenuhi. Kepuasan menurut Melati et.al (1999) adalah apabila wujud perbandingan yang positif di antara sistem kewangan yang baru dengan yang sediaada. Biasanya perbezaan positif ini lebih kepada penjimatan masa (*timely done*) dan mengurangkan konflik di antara pihak-pihak yang terlibat.

Kepuasan dalam konteks kajian ini bermaksud kesenangan yang diperolehi hasil daripada penggunaan eSPKB dalam menjalankan tugas-tugas pengurusan kewangan. Keberkesanan penggunaan eSPKB dan faedah yang dirasai dapat meringankan beban tugas pengurusan kewangan. Ia membantu segala urusan berjalan lancar dan menjimatkan masa dalam menghasilkan sesuatu maklumat yang diperlukan dengan segera.

Aspek kepuasan dikenalpasti berdasarkan instrumen yang diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian yang pernah dilaksanakan oleh Zahri (1992). Item-item soalan dibahagikan kepada tiga kategori kepuasan iaitu kategori pelaksanaan tugas, kategori kompeten dan imej serta kesan positif eSPKB.

1.10.3 Persepsi Pengguna terhadap Pelaksanaan eSPKB

Persepsi pengguna eSPKB merangkumi sikap penerimaan responden dalam menggunakan eSPKB, kesediaan untuk belajar dan mengikuti kursus bagi meningkatkan kemahiran mengendalikan eSPKB. Di samping itu aspek sokongan fizikal, kemudahan dan galakan pihak atasan dalam menggalakkan pelaksanaan penggunaan eSPKB juga diambil kira.

Aspek pelaksanaan penggunaan eSPKB ini dikenalpasti dengan menggunakan instrumen yang digunakan oleh Zahri (1992) dan Muriatun (1997) dan Noor Ashikin (2005). Ke semua instrumen ini digabungkan dan diubahsuai mengikut kesesuaian ciri-ciri yang diperlukan.

1.10.4 eSPKB

Sistem Perancangan & Kawalan Belanjawan Elektronik (eSPKB) ialah satu sistem pengurusan kewangan yang telah dibangunkan oleh pihak kerajaan untuk memenuhi keperluan kawalan kewangan serta keperluan maklumat kewangan di bawah aplikasi Kerajaan Elektronik (eG). Ia membantu dalam proses kawalan belanjawan, memantau perbelanjaan PTJ dan mempercepatkan proses penyediaan dokumen kewangan. Dengan adanya pengantaramukaan Sistem eSPKB dengan Sistem Perakaunan Cawangan yang berhubung dengan Jabatan Akauntan Negara, urusan belanjawan dapat dipercepatkan berbanding dengan amalan konvensional.

1.10.5 Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ)

Dalam kajian ini JPNJ dirujuk sebagai sebuah jabatan induk yang mengendalikan kawalan belanjawan pendidikan di seluruh Negeri Johor. Semua penerimaan waran dari kerajaan persekutuan (Kementerian Pelajaran Malaysia) diturunkan terus ke jabatan ini. Waran-waran ini akan dikhususkan mengikut Pecahan Kepala atau Objek Sebagai (OS) bagi menghadkan kegunaannya mengikut kehendak KPM.

Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) pula adalah pejabat yang menjalankan tanggungjawab pelbagai pengurusan pendidikan termasuklah pengurusan kewangan yang telah diturunkan secara *sub waran* oleh JPNJ di daerahnya sahaja. Dalam kajian ini Jabatan Pelajaran Johor adalah merangkuni JPNJ dan PPD.

1.10.7 Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Dalam kajian ini Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah merujuk kepada Pejabat atau agensi yang mengendalikan perolehan dan pencairan wang kerajaan. Liabiliti dan tanggungjawab adalah terletak pada pegawai teratas agensi tersebut.

1.11 Penutup

Pengurusan kewangan JPNJ antara agensi kerajaan yang banyak saranan *e-government* oleh kerajaan Malaysia. Salah satu langkah yang dijalankan ialah melalui penggunaan teknologi eSPKB di mana peluang dan kemudahan disediakan oleh pihak kerajaan untuk membentuk satu kumpulan pakar pengurus kewangan serta warga pendidikan yang meningkatkan imej KPM melalui kecekapan pengurusan kewangan dan pengawalan bajet kerajaan. Namun pelaksanaan yang tidak berapa lancar di peringkat awal mencetuskan idea untuk kajian ini. Dengan mempunyai matlamat serta objektif yang jelas, kajian ini diharapkan akan dapat melancarkan perjalanan atau penerimaan sistem ini di kalangan pengguna.